



ANGGOTA rafting lelaki dan wanita UMS selepas majlis penyampaian hadiah.

## UMS unggul Sirkuit Kedua Sirna

Oleh **VITALIS G. BINGKASAN**  
 vbingkasan@yahoo.com  
 UB 06-07 2012 A15

KOTAKINABALU: Pasukan lelaki dan wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS-ORCAS) unggul Sirkuit Kedua Sirkuit Arus Deras Nasional (Sirna) 2012 kategori Institusi Pengajian Tinggi (IPT) yang berlangsung di sungai Kiulu, Tamparuli pada 22-24 Jun lalu.

Pasukan rafting wanita diketuai Frediana Kamili manakala pasukan lelaki diketuai Mohd Asril Ansar.

Kontinjen UMS turut diceriakan dengan kejayaan Heleru Henry memenangi acara kayak 'down river' individu dan kayak slalom individu.

Kenyataan akhbar yang dikeluarkan UMS kelmarin memberitahu bahawa kejayaan tersebut adalah hasil kerja keras atlet-atlet dan berkat sokongan dan bimbingan Pengarah

Pusat Sukan UMS, Asyraf Abdullah dan Timbalan Naib Canselor (HEP dan Alumni) Prof Madya Datuk Dr Hj Kasim Mansur.

Perlumbaan mengharungi sungai berjeram dan berarus deras sejauh 7km tersebut sirkuit kedua selepas sirkuit pertama di Sungai Sedim Kedah baru-baru ini.

Sirkuit Arus Deras tersebut merupakan kali pertama diadakan di peringkat Asia Tenggara dan ianya turut disertai peserta dari Thailand, Brunei, Singapura dan New Zealand.

Kenyataan akhbar tersebut juga memberitahu bahawa sirkuit ketiga akan diadakan di Sungai Chamang Pahang pada September sebelum sirkuit akhir di Sungai Kenaboi Negeri Sembilan pada November.

Peserta yang mengumpul mata tertinggi dari kesemua sirkuit tersebut akan dinobatkan sebagai juara Sirna dan akan



AKSI pasukan rafting wanita UMS dalam satu bahagian sungai.

mewakili Malaysia ke temasya sukan yang lebih besar di luar negara.

Pembantu Menteri Belia Dan Sukan Datuk, Jahid Jahim merasmikan sirkuit kedua tersebut manakala majlis penutupannya

disempurnakan Pengerusi Lembaga Sukan Negeri Sabah, Datuk Louis Rampas.

Turut Hadir pada majlis tersebut adalah Timbalan Ketua Pengarah Bahagian Pembangunan Sukan KBS, Madzrib Ibrahim.